

CIMB QR PAY – UNTUK PENIAGA**SOALAN LAZIM**

1. Apakah CIMB QR Pay – Untuk Peniaga?

CIMB QR Pay adalah penyelesaian pembayaran tanpa tunai yang membolehkan Peniaga menerima pembayaran daripada pelanggan CIMB QR Pay (Pembeli) menggunakan kod respons pantas (QR) dua dimensi yang dipaparkan di kedai peniagaan.

2. Apakah jenis kod QR yang tersedia untuk CIMB QR Pay?

Kod QR Statik
Peniaga akan meminta Pembeli mengimbas tanda Kod QR statik yang dipaparkan di kaunter juruwang. Pembeli mesti memasukkan jumlah pembelian dalam aplikasi mudah alih CIMB QR Pay mereka sebelum meneruskan pembayaran QR. Kod QR Statik mempunyai butiran akaun perniagaan anda di dalamnya.

3. Siapakah yang boleh memohon untuk CIMB QR Pay?

Anda mestilah pemilik peniagaan yang sah yang didaftarkan di bawah SSM untuk menggunakan CIMB QR Pay. Peniaga perlu mempunyai akaun semasa perniagaan CIMB yang aktif untuk mendaftar perkhidmatan ini.

4. Di manakah saya boleh menggunakan CIMB QR Pay untuk peniagaan saya?

Peniaga hanya boleh menjalankan peniagaan dan menggunakan perkhidmatan CIMB QR Pay di dalam negara Malaysia sahaja. Peniaga akan dipertanggungjawabkan ke atas segala kesalahan atau penyalahgunaan perkhidmatan CIMB QR Pay jika di luar bidang kuasa Malaysia.

5. Apa yang akan berlaku setelah saya memberikan dokumen?

Setelah dokumen diterima, kami akan memproses dokumen anda dan menghubungi anda dalam masa 15 hari bekerja. Setelah diluluskan, kami akan menghantar pelekat QR/standee dan anda boleh mula menerima pembayaran.

6. Di manakan anda (Peniaga) harus memaparkan kod QR?

Anda (Peniaga) harus memaparkan kod QR di kaunter pembayaran anda.

7. **Adakah sebarang fi dikenakan untuk memohon sebagai Peniaga CIMB QR Pay?**

Tiada fi yang dikenakan untuk menjadi Peniaga CIMB QR Pay.

8. **Bagaimanakah saya tahu sekiranya pembayaran berjaya dibuat dan dikreditkan ke dalam akaun saya?**

Setelah Pembeli mengimbas kod QR statik anda, anda akan menerima pemberitahuan SMS mengenai status pembayaran yang berjaya.

9. **Bagaimanakah jika saya tidak menerima SMS semasa pembayaran dibuat? Bagaimanakah saya tahu bahawa transaksi berjaya?**

Pembeli akan menerima pemberitahuan dalam aplikasi ketika pembayaran dilakukan. Anda boleh meminta Pembeli menunjukkan pemberitahuan dalam aplikasi itu untuk mengesahkan pembayaran yang telah dilakukan.

10. **Bagaimanakah saya melihat sejarah transaksi saya?**

Peniaga boleh masuk ke portal peniaga CIMB untuk melihat sejarah transaksi.

11. **Berapa lamakah diperlukan untuk saya mendapat pembayaran penyelesaian saya?**

Anda akan mendapat pembayaran penyelesaian anda pada hari perniagaan yang berikutnya.